

# Pil, jamu punca kecelaruan jantina bayi dikandung

» Suplemen, ubat ada dua hormon berlebihan ganggu pembentukan

Oleh Wan Noor Hayati

Wan Alias

wanti@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**P**engambilan pil makanan tambahan, pil perancang dan jamu oleh ibu mengandung atau menyusu boleh mengakibatkan kecelaruan jantina bayi dalam kandungan atau selepas dilahirkan.

Menurut pakar sakit puan, pil dan jamu yang mengandungi hormon estrogen dan testosteron berlebihan mengganggu pembentukan organ seksual bayi.

Akibatnya, bayi perempuan yang lahir atau membesar akan memiliki ciri kelelakian, manakala bayi lelaki akan mempunyai ciri perempuan.

Pembentukan organ seksual memerlukan hormon testosteron untuk lelaki dan estro-

gen untuk perempuan.

Dr Amilia Afzan Mohd Jamil (**gambar**) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata ibu mengandung yang mengambil kedua-dua hormon itu dalam kadar berlebihan menyebabkan ada antara bayi mereka akan memiliki ciri fizikal (phenotype) yang bertentangan dengan ciri genetik (genotype) mereka.

## Diragui ada kandungan hormon berlebihan

"Pengambilan ubat-ubatan atau makanan tambahan terutama untuk fungsi seksual yang bukan mengikut saranan perubatan berisiko tinggi terhadap pembentukan bayi kerana diragui mempunyai kandungan hormon berlebihan.

"Pengambilan ubat-ubatan atau makanan tambahan yang diragui kandungannya jika diambil dalam semester pertama (tiga bulan pertama kehamilan) boleh mengganggu proses pembentukan janin dan dibimbangi menjadi satu punca berlaku kecelaruan jantina atau jantina yang tidak normal bagi bayi.

"Makanan tambahan yang mengandungi kadar testosteron yang tinggi pula, jika diambil ketika mengandung boleh mengakibatkan bayi perempuan memiliki ciri kelelakian,"



*"Makanan tambahan yang mengandungi kadar testosteron yang tinggi pula, jika diambil ketika mengandung boleh mengakibatkan bayi perempuan memiliki ciri kelelakian"*

**Dr Amilia Afzan  
Mohd Jamil,**  
Pakar sakit puan

katanya kepada BH.

Difahamkan ada kes tempatan, akibat kesan pengambilan makanan tambahan itu seorang bayi perempuan dibe-

sarkan sebagai lelaki sehingga gender sebenar terbongkar apabila dia didatangi haid ketika berusia 12 tahun.

Amilia Afzan menjelaskan, ada sesetengah ubat-ubatan seperti pil perancang dan jamu yang diambil selepas bersalin pula mengandungi hormon estrogen berlebihan boleh memberi kesan kepada bayi lelaki yang disusukan.

"Kesannya berlaku pembesaran payudara bayi lelaki, manakala pendarahan (seperti darah haid) dari vagina bayi perempuan.

"Kesannya hanya akan hilang apabila ubat itu diberhentikan," katanya.

Pakar genetik, Dr Roziana Ariffin, berkata ada juga kes walaupun jarang berlaku yang mana perempuan yang akan ada ciri lelaki seperti misai, otot dan suara garau akibat pengambilan seperti 'progestational agents' dan hormon androgen oleh ibu ketika semester pertama mengandung.

Dianggarkan satu dalam 500 hingga 1,000 orang yang kelebihan normal sebenarnya menghidapi sindrom 'klinefelter', iaitu mereka kelebihan normal tetapi sebenarnya tidak normal. **Ikuti hasil kajian laman Intersex Society of North America (ISNA) dalam BH esok.**